

Thailand mencadangkan projek penuaian awal di bawah Rangka Kerja Kerjasama Mekong - Lancang

Thailand mencadangkan beberapa projek penuaian awal untuk dilaksanakan di bawah rangka kerja Kerjasama Mekong-Lancang (MLC), yang terdiri dari enam negara, yaitu Kemboja, China, PDR Laos, Myanmar, Thailand, dan Viet Nam.

Cadangan tersebut dibangkitkan pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin MLC pertama, yang diadakan di Sanya Hainan, Republik Rakyat China, pada 22-23 Mac 2016. Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha dan Perdana Menteri Majlis Negeri Republik Rakyat China, Li Keqiang sebagai pengurus bersama masyuarat tersebut, dibawah tema "Shared River, Shared Future.". Mesyuarat tersebut dihadiri oleh pemimpin dari enam negara.

Salah satu projek yang dicadangkan oleh Thailand melibatkan peningkatan keupayaan untuk mengurangi kemiskinan. Dalam hal ini, Thailand bersedia untuk berkongsi pengalaman dengan negara-negara anggota MLC dalam menggunakan Falsafah Ekonomi Mampan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja sebagai garis panduan untuk pembangunan mampan.

Thailand juga mencadangkan untuk menawarkan biasiswa peringkat lepasan ijazah dalam pentadbiran perniagaan. Biasiswa bertujuan untuk menggalakkan pembelajaran amalan terbaik di kalangan usahawan dalam wilayah kecil Greater Mekong. Projek lain melibatkan pembangunan zon ekonomi khas rentas sempadan untuk menghubungkan zon ekonomi khas di Thailand dengan kawasan di negara anggota MLC.

Thailand akan bekerjasama dengan China dalam projek kesihatan awam mengenai pencegahan penyakit bawaan serangga. Ia akan bekerjasama dengan Viet Nam dalam mengatur program latihan jangka pendek dalam perniagaan e-commerce dan bahasa Inggeris.

Dalam kenyataannya, General Prayut berharap kejayaan rangka kerja MLC itu akan membawa kestabilan, kemakmuran, dan kemampunan kepada rantau kecil Greater Mekong. Ia juga akan menjadi model bagi Kerjasama Selatan-Selatan. Perdana Menteri menegaskan peranan penting rantau kecil Greater Mekong dalam masyarakat dunia.

Sebagai Pengurus Kumpulan 77 tahun ini, beliau berkata, Thailand bertekad untuk mendorong kerjasama dalam pelbagai bidang di MLC untuk mencapai Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan sebagai contoh yang berjaya bagi Kerjasama Selatan-Selatan.

Mesyuarat Pemimpin MLC pertama mengesahkan tiga dokumen hasil: (1) Deklarasi Sanya; (2) Pernyataan Bersama mengenai Kerjasama Kapasiti Pengeluaran; dan (3) Senarai Bersama Projek Penuaian Awal.

Selepas mesyuarat itu, Perdana Menteri Jeneral Prayut mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri China, Li Keqiang. Beliau berharap Thailand dan China akan meningkatkan perdagangan dalam produk pertanian, terutamanya beras dan getah, pada masa akan datang. Beliau juga menegaskan bahawa projek pembangunan kereta api Thai-Cina akan diteruskan. Fasa pertama melibatkan pembinaan laluan dari Bangkok ke Kaeng Khoi dan Nakhon Ratchasima.